



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
REGISTRATION NO.: QMS 91961

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
REGISTRATION NO.: QMS 91949

buletin *Selayangku Sayang*

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

EDISI
JAN - APR 2021

01/21

WWW.MPS.GOV.MY



TAHNIAH KEPADA PEMENANG

KEMPEN DAFTAR,

Bayar & Menang

CUKAI TAKSIRAN 2021



Amanat
Tahun
Baharu MPS
2021

03



Majlis Penyampaian
Hadiah Kempen
Daftar Bayar dan
Menang Cukai
Taksiran

12



Majlis Anugerah
Perkhidmatan
Cemerlang
2020

14



@mpselayang



@mpselayang



@mpselayang

DARI MEJA YDP

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza B. Mohd Noor
ydp@mps.gov.my

Tuan Ir. Haji Cheremi B. Haji Tarman
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG

Pn. Nuratikah Hanim Bt. Mohd Sakri
nuratikahhanim.msakri@mps.gov.my

Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri

norhatikahnabila.masri@mps.gov.my

Pn. Norhasliza Bt. Hassan

norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis B. Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my

En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO

Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my

En. Mohamad Khairun B. Roslan

mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Tollfree: 1800-222-677

DARI MEJA YDP

Assalamualaikum W.B.T. dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberi keizinan kepada kita untuk melangkah ke tahun baharu ini. Tahun 2020 telah pun melabuhkan tirainya. Saya berdoa agar tahun 2021 ini akan lebih bermanfaat serta menjadi lembaran baharu buat seluruh warga MPS amnya. Sedar tak sedar, tahun 2020 berlalu dengan pantas meskipun banyak cabaran dan dugaan telah pun kita alui terutama semasa menghadapi pandemik Covid-19. Walaubagaimanapun MPS tetap jua melangkah serta meneruskan agenda yang telah ditetapkan untuk memberi perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada masyarakat pentadbiran Selayang.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga MPS yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2020. Sesungguhnya warga MPS mempunyai komitmen yang amat tinggi ketika menjalankan tugas terutamanya dalam melaksanakan semua aktiviti dan program MPS dengan jayanya. Tahniah diucapkan!

Oleh itu, saya berharap pada tahun 2021 ini kita dapat meningkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan MPS dan marilah kita bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam memajukan MPS ke peringkat antarabangsa. Saya bukan ingin bercakap kosong namun biarlah matlamat yang ingin dicapai dan sasaran kita tinggi agar kita semua berusaha untuk mencapai ke arah matlamat yang ditetapkan.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021".

Sekian, terima kasih.



(HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR) S.M.S., A.M.S.

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

**AMANAT TAHUN BAHARU 2021
PENYESUAIAN
NORMA BAHARU DAN
INTEGRITI
FOKUS UTAMA MPS**

BERSEMPENA Tahun Baharu 2021, Tuan YDP telah menyampaikan amanat kepada semua kakitangan MPS yang telah diadakan pada 17 Februari 2021 secara dalam talian.

Amanat pada tahun ini menitikberatkan tentang disiplin dan penyesuaian norma baharu oleh warga kerja MPS dalam mendepani pandemik Covid-19 yang telah masuk tahun kedua. Beliau turut menekankan aspek integriti, kepantasan dan profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab di samping menangani gejala-gejala rasuah, gangguan seksual, penyalahgunaan kuasa serta ketirisan amanah dan integriti serta amalan Bekerja Daripada Rumah (BDR).



**AMANAT TAHUN BAHARU MB SELANGOR
PENJAWAT AWAM DISERU KEKAL
UTUH DAN BERSEMANGAT**

BERSEMPENA tahun baharu 2021, Tuan YDP serta seluruh kakitangan MPS telah menyaksikan Perutusan Amanat Tahun Baharu 2021 oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor secara langsung menerusi Facebook pada 21 Januari 2021.

Dalam ucapan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, beliau menyeru semua penjawat awam negeri Selangor supaya kekal utuh dan bersemangat dalam menghadapi pelbagai cabaran mendatang kesan penularan pandemik Covid-19. Beliau berkata, keutuhan jiwa kakitangan awam menjadi kayu ukur penting untuk membantu dan membimbing rakyat menghadapi situasi sama.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut mengucapkan tahniah atas komitmen penjawat awam yang mampu melalui cabaran sejak pandemik menular mulai awal tahun lalu.



**AMANAT TAHUN BAHARU MENTERI KPKT
KPKT LANCAR TEMA 'TAHUN
PELAKSANAAN - CEPAT DAN
RESPONSI'**



YB Datuk Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2021 bertemakan 'Tahun Pelaksanaan - Cepat dan Responsif'. Sesi amanat tersebut telah disaksikan oleh Tuan YDP bersama barisan pengurusan tertinggi MPS pada 2 Februari 2021 secara maya menerusi pautan rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menerusi amanat tersebut, YB Datuk Zuraida telah berkongsi mengenai pencapaian utama KPKT sepanjang tahun 2020 dalam memperkasa sektor pembinaan projek-projek bagi program perumahan rakyat. Beliau juga turut menerangkan fokus KPKT pada tahun ini iaitu sebagai teraju *Circular Economy* (CE) bagi mempersiap dan memacu inisiatif-inisiatif yang boleh dijayakan sepenuhnya selain memastikan ekosistem CE perlu digerakkan melibatkan usaha-usaha dari Kementerian-Kementerian, Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta, sektor industri, NGO serta orang awam. Beliau juga menyatakan bahawa Tahun Baharu 2021 adalah sebagai tahun pelaksanaan dengan membudayakan amalan kerja yang memfokuskan dan menyediakan perkhidmatan serta menghulurkan bantuan kepada rakyat.

INOVASI

BENGKEL PASUKAN AUDIT DALAM EKSA MPS 2021 TAMBAH BAIK KRITERIA AUDIT EKSA MPS

SERAMAI 20 orang peserta melibatkan Pasukan Audit Induk EKSA termasuk urusetia telah menyertai Bengkel Penambahbaikan Kriteria Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) untuk Pasukan Audit Dalam EKSA MPS. Bengkel ini telah diadakan pada 5 hingga 6 April 2021 bertempat di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Pada bengkel ini, para peserta ditugaskan untuk melakukan semakan semula kriteria audit EKSA dan berbincang tentang kaedah dan usaha bagi memperolehi pensijilan EKSA kategori cemerlang. Antara beberapa usaha yang dibincangkan adalah menambah baik kriteria dan kualiti pentadbiran di beberapa kawasan MPS seperti Stadium MPS, Kompleks Siantan MPS, Taska MPS dan Pejabat Cawangan MPS. Pensijilan yang cemerlang akan membantu MPS dalam pemarkahan Anugerah Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) dan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkusa Tempatan (Star-Rating) sekali gus menaikkan imej MPS di peringkat negeri.



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MPS 2021-2025 MERANGKA DRAFT BAHARU EMPAT HALA TUJU UTAMA

MPS telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Pelan Strategik pada 31 Mac hingga 2 April 2021 bertempat di Hotel Tenera, Bangi. Bengkel selama dua hari ini telah dipimpin oleh perunding dari Akademi PKNS Sdn. Bhd. yang melibatkan seramai 50 orang peserta.

Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan merangka dan merancang draf Pelan Strategik MPS 2021-2025 yang baharu yang menjurus kepada empat hala tuju utama seperti Selangor Negeri Pintar 2025, Bandar Eko Pelancongan, Bandar Hijau, Agenda Pembangunan Mampan dan Kerangka Wawasan dan Matlamat Pembangunan.



BENGKEL PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH MPS TAHUN 2021

BAGI merangka dan merancang Pensijilan Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) 37001:2016, satu Bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah telah diadakan pada 8, 9 dan 11 Mac 2021. Seramai 50 orang peserta telah diberikan pemahaman dan gambaran keseluruhan berkenaan Sistem ABMS. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari ini telah dipimpin oleh perunding daripada Suite 9000 Resources.

Dengan wujudnya penambahan satu lagi sistem pengurusan ini, MPS dapat meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan yang lebih jelas sekali gus dapat membudayakan amalan integriti kepada seluruh warga MPS.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) BILANGAN 1/2021

SATU Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bilangan 1/2021 telah diadakan pada 11 Februari 2021 secara dalam talian. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memantau dan membuat perancangan semula EKSA bagi Tahun 2021. Antara yang hadir pada mesyuarat ini adalah Fasilitator EKSA, Ketua-Ketua Zon, Jawatankuasa Induk EKSA serta Penyelaras EKSA bagi setiap zon.

Menerusi mesyuarat ini, beberapa perkara penting bagi pelaksanaan EKSA tahun 2021 telah dibincangkan berlandaskan peruntukan kewangan yang telah disediakan, antaranya berkenaan program gotong-royong perdana, program latihan, penyelaras audit dalam dan aktiviti melibatkan pematuhan EKSA.

TAKLIMAT INTEGRITI DEDAH PESERTA TENTANG PERANAN PENJAWAT AWAM DALAM MEMPERKASA INTEGRITI

SATU program taklimat anjuran Unit Integriti telah diadakan pada 8 April 2021 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Taklimat yang bertajuk “Saya Yang Menjalankan Amanah”: Peranan Penjawat Awam Dalam Memperkasa Integriti Kepada Kakitangan Di Majlis Perbandaran Selayang ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan Encik Mohd Yusof bin Mohamad, pesara kerajaan dari Insitusi Integriti Malaysia.

Menerusi taklimat ini, kakitangan telah diberikan pendedahan tentang peranan sebenar penjawat awam dalam memperkasa integriti dan penerapan nilai-nilai Integriti bagi menghasilkan kecemerlangan dalam apa sahaja tugas yang dilaksanakan. Seramai 50 kakitangan yang terdiri daripada Kumpulan B, Ketua Kerani dan kumpulan C telah menyertai taklimat ini.



SESI KUNJUNG HORMAT TSUK (PEMBANGUNAN) KE MPS

MPS telah menerima kunjungan hormat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor, Tuan Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid 9 April 2021. Pada sesi kunjungan tersebut, beliau yang juga merangkap Pengarah UPEN Selangor telah berkesempatan untuk mendengar pembentangan berkenaan cadangan dan hala tuju MPS bagi Rancangan Malaysia Ke-12 dan hala tuju yang bakal dilaksanakan oleh pihak MPS pada tahun 2030 menerusi *First Selangor Plan*.

Pembentangan telah disampaikan oleh Tuan YDP. Turut hadir sama pada sesi kunjungan ini adalah para pengarah jabatan MPS dan pegawai dari Pejabat SUK Selangor.

PROSEDUR SOP PKPP MPS BERI TAKLIMAT GARIS PANDUAN KEPADA PENGELOLA PASAR



SELARAS dengan keputusan MPS untuk memberikan kebenaran aktiviti pasar malam dan pasar pagi dibuka semula mulai 22 Jun 2020, satu taklimat Prosedur Operasi Standard (SOP) pembukaan pasar pagi, pasar malam dan bazaria dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah diadakan di Dewan Keraian MPS.

Taklimat telah disampaikan dalam 2 sesi oleh Encik Hairudin Bin Daud, Pengarah Jabatan Pelesenan dan Encik Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Timbalan Pengarah Jabatan Pelesenan kepada 46 orang pengelola pasar yang hadir. Turut hadir sama dalam taklimat berkenaan adalah daripada jabatan dalaman iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan.

Taklimat diadakan untuk memastikan semua pengelola pasar pagi, pasar malam dan bazaria bersedia dan maklum dengan SOP dan garis panduan sebelum dibenarkan beroperasi.



SAMBUTAN NUZUL QURAN PERINGKAT MPS 1442H KSDK ANJUR PROGRAM TAZKIRAH DAN KELAS AL-BAGHDADI

BERSEMPENA sambutan Nuzul Al-Quran 1442H, Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK) MPS telah meneruskan aktiviti bulan Ramadan ini dengan mengadakan Tazkirah serta teknik pembelajaran Al-Baghdadi pada 27 April 2021 bertempat di Bilik Keraian MPS.

Antara pengisian program ini ialah sesi tazkirah yang bertajuk “Al-Quran Mukjizat Saintifik” yang telah disampaikan oleh YBhg. Al Fadil Ustaz Datuk Dr. Zaifuddin bin Haji Md Rasip, penceramah bebas.

Selain itu, turut diadakan sesi perkongsian teknik Al-Baghdadi yang telah disampaikan oleh YBrs. Encik Mohd Asfa bin Hafiz, Pengurus Al-Baghdadi Group Sdn Bhd. Sesi ini menerangkan tentang cara mengenali huruf Al-Quran dengan menggunakan teknik Al-Baghdadi. Majlis berakhir dengan sesi penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.



CERAMAH ANJURAN KSDK MPS DENGAN KERJASAMA BIMB SEMPENA BULAN RAMADAN

BERSEMPENA Bulan Ramadan 1442H, MPS dan Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah mengadakan Majlis Ceramah Agama secara dalam talian pada 20 April 2021 bertempat di Dewan Keraian Tingkat 8.

Dengan tajuk “Andainya Ini Ramadan Terakhirku”, ceramah telah disampaikan oleh YBhg. Ustaz Dato’ Haji Badli Shah bin Haji Alauddin, Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang Darul Makmur. Program ceramah ini diakhiri dengan acara cabutan bertuah dan sesi penyampaian cenderahati kepada pihak BIMB.



PROGRAM DERMA DARAH 88 ORANG PENDERMA DARAH BANTU PUSAT DARAH NEGARA

PROGRAM Derma Darah anjuran ANULAE Cawangan MPS dan Pusat Darah Negara telah diadakan pada 6 April 2021 bertempat di Lobi, Bangunan Lama, MPS. Seramai 88 orang kakitangan MPS telah berpeluang menderma darah bagi membantu pembekalan darah untuk tabung Pusat Darah Negara.



PROGRAM SUMBANGAN PKP ANULAE SUMBANG BARANGAN KEPERLUAN ASAS KEPADA AHLI

SEBACAI tanda keprihatian terhadap kebajikan ahli, Pihak ANULAE Cawangan MPS telah menyediakan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada ahli-ahli yang kurang berkemampuan. Sesi penyerahan sumbangan ini telah disampaikan oleh Tuan YDP MPS pada 8 April yang lalu bagi meringankan beban ahli-ahli yang terkesan dalam tempoh PKP ini.



REWARD YDP MPS 2019 HARGAI PENCAPAIAN CEMERLANG KAKITANGAN

BAGI menghargai sumbangan dan pencapaian cemerlang kakitangan MPS di pelbagai peringkat sepanjang tahun 2019, satu majlis makan tengahari dan penyampaian Anugerah Reward Yang Dipertua MPS telah diadakan pada 29 Mac 2021 bertempat di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Tuan YDP, TYDP, ahli-ahli majlis dan pengarah-pengarah jabatan.



PENYERAHAN KENDERAAN BARU TINGKAT MUTU PERKHIDMATAN

BAGI melancarkan sistem perkhidmatan dan penyampaian MPS, sebanyak 5 buah kenderaan dan jentera baharu yang terdiri daripada 2 unit kereta Proton Saga, 1 unit lori tangki air, 1 unit trak kitar semula dan 1 unit lori *arm roll* telah diserahkan kepada 3 buah jabatan iaitu Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Landskap dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan. Majlis Penyerahan Buku Log Kenderaan telah diadakan pada 21 Januari 2021 bertempat di Dataran MPS dan telah disempurnakan oleh Tuan YDP MPS.

Tuan YDP juga turut menyerahkan 8 buah kenderaan baharu kepada Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan dan Jabatan Landskap pada 24 Februari 2021 yang lalu.



MPS SUMBANG KOMPUTER RIBA BANTU SESI PDPR SK BBS (2)

BAGI membantu pihak sekolah dan pelajar dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) ketika dalam tempoh PKP, Tuan YDP MPS telah menyampaikan sumbangan sebanyak 12 buah komputer riba kepada Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang (2). Sumbangan ini telah diserahkan kepada Puan Zahariah bt Bidin, Penolong Kanan Pentadbiran, SK Bandar Baru Selayang (2).



PROGRAM JELAJAH RAMADAN KITA SELANGOR & MAJLISIFTAR 1442H

KERAJAAN SELANGOR AGIH BANTUAN KEPADA SURAU DAN BADAN KEBAJIKAN

PROGRAM Jelajah Ramadan Kita Selangor peringkat Daerah Gombak dan Majlis Iftar Bersama Agensi Kerajaan dan Ketua Kampung telah diadakan di Dewan Siantan, Gombak pada 19 April 2021. Program ini telah disempurnakan Dato' Seri Amirudin Shari, Dato Menteri Besar Selangor.

Menerusi program ini, Kerajaan Selangor telah menyediakan bantuan bernilai lebih RM500,000 kepada pelbagai pihak.

Dato' Menteri Besar Dato' Amirudin Shari dalam ucapan beliau berkata sebahagian besar sumbangan membabitkan hampir

RM400,000 pula diperuntuk kepada ibu pejabat polis daerah (IPD) Gombak bagi menaik taraf sistem pendawaian dan kemudahan lain.



MAJLIS MAHABBAH RAMADAN DATO' MENTERI BESAR UMUM BANTUAN KHAS HARI RAYA PENJAWAT AWAM SELANGOR

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah mengumumkan bantuan khas kepada penjawat awam Negeri Selangor di Majlis Mahabbah Ramadan bersama Penjawat Awam Negeri Selangor yang dihoskan oleh Perbadanan Negeri Selangor pada 23 April 2021. Majlis ini telah turut diikuti secara langsung menerusi dalam talian oleh barisan pengurusan tertinggi dan kakitangan MPS.



PELANCARAN JAWATANKUASA PENDUDUK MPS

MAJLIS Pelancaran Logo Jawatankuasa Penduduk (JKP) telah diadakan pada 26 Februari 2020. Logo ini akan digunakan oleh kesemua 24 zon JKP MPS. Penghasilan logo ini telah dibuat secara pertandingan dan dibuka penyertaan kepada semua penduduk.



Majlis pelancaran logo Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS ini telah diadakan di Dewan Keraian secara dalam talian oleh Tuan YDP MPS. Juara pertandingan telah dimenangi oleh Encik Mohd Firdaus bin Zulkifle dari JKP Zon 18 diikuti tempat kedua oleh Puan Siti Nur Rubika binti Rahim, JKP Zon 11 dan tempat ketiga oleh Encik Mohd Tarmizi bin Jusoh, JKP Zon 5.



Tahniah

LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS MPS

17 AHLI MAJLIS MPS LANTIKAN BAHARU ANGKAT SUMPAH

TAHNIAH diucapkan kepada 17 orang Ahli Majlis MPS yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi penggal 2021-2022. Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Ahli Majlis ini telah berlangsung pada 3 Januari 2021 dengan disaksikan oleh Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS.

Tuan YDP berharap Ahli Majlis yang dilantik dapat memberi khidmat bakti dan komitmen dengan penuh dedikasi bagi memberikan penyampaian perkhidmatan kepada seluruh penduduk di perbandaran Selayang.



Terima Kasih

PENGHARGAAN AHLI MAJLIS MPS SESI 2018-2020

ENAM orang bekas Ahli Majlis MPS bagi sesi 2018-2020 yang telah tidak dilantik semula telah diraikan oleh Tuan YDP dan barisan pengurusan pada satu majlis ringkas yang diadakan pada 26 Februari 2021. Setinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Md. Sabri Bin Md. Taib, Tuan Ng Kok Chuan, Tuan Ng Wei Keong, Puan Anfaal Bin Saari, Tuan Mohamad Kassim Bin Packiry dan Tuan Saravanan A/L Muniandy yang telah menabur bakti sepanjang berkhidmat di MPS.



PROGRAM KONGSI RASA BUBUR LAMBUK MPS

KOMUNITI SELAYANG MULIA TERIMA 800 PEK BUBUR LAMBUK

PROGRAM Kongsi Rasa Bubur Lambuk kepada komuniti telah diadakan pada 28 April 2021 bertempat di Pangaspuri Taman Selayang Mulia, Selayang.

Program ini merupakan salah satu program MPS bersama dengan komuniti strata bagi

menyokong Dasar Komuniti Negara dan ianya merupakan program tahunan MPS sempena bulan Ramadan.

Program ini telah disempurnakan oleh Tuan YDP dimana sebanyak 800 paket bubur lambuk telah diedarkan kepada penduduk

Pangaspuri Selayang Mulia Bandar Baru Selayang. Program ini telah turut dihadiri oleh Tuan Timbalan YDP, Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis Zon 12 dan pengarah-pengarah jabatan MPS serta ahli jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT).



OPERASI

OPERASI

OPERASI

MPS BINA HALANGAN ATASI PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

MPS telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pembinaan halangan di tapak pembuangan sampah haram di Jalan TIB 3/3, Taman Industri Boltan Gombak dan di Jalan SBC 8, Taman Sri Batu Caves, Gombak pada 26 Mac 2021.

Bagi di lokasi kedua, pihak MPS telah memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan telah menemui rakaman aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan tersebut dimana tindakan akan dikenakan kepada pihak yang terlibat. Orang ramai juga diminta untuk melaporkan sebarang aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan masing-masing.



BUANG SAMPAH HARAM, 5 BUAH LORI DI SITA

SEBANYAK 5 buah lori yang disyaki menjalankan kerja-kerja pembuangan sampah di tapak pelupusan sampah haram telah disita semasa pemantauan yang diadakan di beberapa hotspot sampah haram di Selayang.

Tiga sitaan telah dibuat di 3 lokasi berasingan pada 4 Februari 2021. Dua sitaan dibuat di

Kampung Sungai Chincin ketika rondaan dimana sebuah lori roro yang membawa sisa binaan dan sampah didapati sedang menuju ke tapak pembuangan sampah haram di lokasi berdekatan. Manakala sebuah lagi lori roro yang membawa muatan sisa binaan dan sampah telah disita di atas tanah Lot 1414 Kampung Sungai Chinchin di mana pemandu lori tersebut memberi alasan

bahawa muatan yang dibuang adalah untuk tujuan penambakan tanah di lokasi tersebut. Sitaan seterusnya dibuat setalah anggota penguatkuasa mengikuti sebuah lori tanah yang membawa muatan sisa binaan dan sampah di lokasi pembuangan Kampung Sungai Pusu.



OPERASI ➤

OPERASI ➤

OPERASI ➤

OPERASI SITA DAN PEMBERSIHAN TAPAK PERNIAGAAN WARGA ASING

MPS telah menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga warga asing di luar Pasar Borong Selayang pada 3 Februari 2021.

Serbuan telah dijalankan ke atas sebuah stor penyimpanan ikan dan sayur dengan menyita 18 unit kotak pelbagai jenis makanan laut dan sayuran serta menyita sebuah khemah di hadapan gerai MPS. Pihak KDEB Waste Management juga telah membantu membuat tindakan pembersihan kawasan simpanan barang-barang lusuh milik warga asing yang terdapat di kawasan berkenaan. Kesemua tindakan penguatkuasaan ini di bawah Seksyen 3 Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred Perniagaan.



YDP TINJAU TAPAK SAMPAH HARAM

TUAN YDP telah membuat tinjauan dan pemeriksaan tapak berkenaan isu pembuangan sampah haram di Taman Raintree, Batu Caves dan Desa Kuala Garing, Rawang pada 8 Februari yang lalu.

Didapati terdapat kerja-kerja penambakan tanah dan sisa binaan yang tiada kelulusan di Taman Raintree dan arahan pemberhentian kerja secara merta telah dikeluarkan. Tuan YDP seterusnya meninjau lokasi kebakaran yang berpunca dari pembuangan sampah haram di Desa Kuala Garing.



GAGAL PATUH SOP, BAZAR RAMADAN GREENWOOD DITUTUP EMPAT HARI

MPS telah mengarahkan Bazar Ramadan Greenwood, Gombak ditutup selama empat hari bermula 22 hingga 25 April 2021 kerana gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Penutupan bazar pada tarikh berkenaan dibuat setelah mengambil kira kebijakan para peniaga yang telah memasak untuk jualan pada hari ini.

Penyerahan notis tutup bazar mengikut Seksyen 18 (1)(f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) telah diserahkan kepada wakil pengelola JKP Zon 3 di mana notis ini telah dikeluarkan oleh Pegawai Yang Diberikuasa, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Pada masa yang sama, MPS turut menerangkan SOP dan tindakan pematuhan yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembukaan semula bazar kepada wakil pengelola yang hadir.



LAWAT TINJAU BAZAR RAMADAN PEMATUHAN SOP PENIAGA

BAGI memastikan pengelola bazar Ramadhan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan, Tuan YDP telah melakukan satu lawatan mengejut di Bazar Selayang Utama dan Bazar Ramadhan Prima Selayang.

Pada tinjauan tersebut, Tuan YDP secara keseluruhannya berpuas hati dengan SOP yang dilaksanakan oleh pengelola bazar bagi memastikan rantaian Covid-19 tidak merebak. Pengelola juga akur dengan melaksanakan penggunaan kad nombor giliran kepada pengunjung, mewujudkan lajuan sehalus dalam bazar dan tidak membenarkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan warga emas 65 tahun ke atas masuk ke bazar Ramadhan.





KEMPEN DAFTAR, **Bayar & Menang** CUKAI TAKSIRAN 2021

72 PEMILIK HARTA MPS BERTUAH BAWA PULANG HADIAH LUMAYAN

MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan program cabutan bertuah sempena Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran 2021. Program ini terbuka kepada semua pemilik harta di pentadbiran MPS yang membuat pembayaran cukai taksiran mereka sebelum 28 Februari 2021. Kempen ini menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM100,000 dengan menawarkan sebuah kereta Perodua Axia sebagai hadiah utama, 6 buah motosikal dan pelbagai hadiah yang lumayan.

Sesi Cabutan Bertuah Perdana ini telah diadakan pada

16 Mac 2021 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS dan disempurnakan oleh Tuan Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama Ahli Majlis dan para pengarah. Sebanyak 72 cabutan telah dibuat pada sesi ini.

Sebagai acara kemuncaknya, pada 27 Mac 2021, satu majlis penyampaian hadiah kepada para penerima hadiah utama telah diadakan bertempat di Lobi Menara MPS. Pemenang utama iaitu Encik Pua Bing Teck dari Kepong telah berjaya membawa pulang sebuah kereta Perodua Axia.







Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG 2020

MAJLIS Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2020 telah diadakan di Setia Eco Templer, Rawang pada 8 April 2021. Pada tahun ini, seramai 86 orang kakitangan MPS telah menerima APC di mana kesemua mereka menerima Sijil perkhidmatan Cemerlang dan juga Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM1,000.

YB Tuan Haji Borhan bin Aman Shah, EXCO Pembangunan Luar Bandar dan kebudayaan Negeri Selangor mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah merasmikan Majlis Penyampaian APC ini dan turut dihadiri oleh Tuan YDP, Tuan TYDP, Ahli Majlis MPS serta pengarah-pengarah jabatan.

Turut diraikan seramai 19 orang pesara dan 2 orang penerima Anugerah Khidmat Lama yang menerima sijil penghargaan dan juga Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM500 untuk pesara dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM2,000 untuk Anugerah Khidmat Lama. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima APC 2020.







Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG

2020

8 APRIL 2021 | 3.00 PETANG | SETIA ECO TEMPLER, RAWANG

Senarai Penerima *Anugerah Perkhidmatan Cemerlang*

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- | | |
|-------------------------------------|-------------------------------------|
| 1. NORHAYATI BINTI AHMAD | 4. MOHD NASRUL BIN SAHRAN |
| 2. MOHD ASZZWIR BIN MOHD SABIRUDDIN | 5. MUHAMMAD MUI'ZZUDDIN BIN SELAMAT |
| 3. ZARIMAN BIN IBRAHIM | |

KUMPULAN SOKONGAN I (B)

- | | |
|--------------------------------------|--|
| 1. HAJI MOHD. HARIS BIN AMIR | 9. POOGANESHA A/L MURUGESU |
| 2. MOHD HAFIZ BIN MOKHTAR | 10. NURUL HANANI BINTI FADZIL |
| 3. NORIZA BINTI SHAARI | 11. MUHAMMAD FAISAL HILMI BIN JAMALUDDIN |
| 4. MUHAMAD HIDAYATULLAH BIN SULAIMAN | 12. WAN ILHAM BIN WAN RAZMIN |
| 5. ROSLINA BINTI ROSLI | 13. ROSMAYANI BINTI SELIMAN |
| 6. MOHD HAFIZUL BIN RASHID | 14. MOHD SYUKRI BIN YUSOFF |
| 7. NORAZLINA BINTI RAMLI | 15. MUHAMMAD NOOR SALAM BIN ABD HADI KAMIL |
| 8. MUHAMMAD FHITRI BIN OTHMAN | 16. MOHD MUSTAJAB BIN MD SINWANI |

KUMPULAN SOKONGAN I (C)

- | | |
|---|--|
| 1. ROSMAH BINTI MOHD. ISA | 19. MUHAMMAD ANWAR BIN ISMAIL |
| 2. SITI SALWAH BINTI HJ. ABD. SALAM | 20. MOHD FITRI BIN SULAIMAN |
| 3. CITRA A/P LETCHUMANAN | 21. MOHD. SYARIMEE BIN MOHD.SHARIFF |
| 4. MUNSI BIN YUSOF | 22. NATRA WAHIDA BINTI ABD. WAHAB |
| 5. NORLIDA BINTI AHMAD | 23. NOR AZIAH BINTI MOHAMAD BADARUDDIN |
| 6. NOREHAN BINTI M SAID | 24. ROSSYAHRI BIN SHAMSUDDIN |
| 7. DURGA A/P RAJENDERAN | 25. HAJAH ROZIAH BINTI ROSLI |
| 8. MUHAMMAD ADIEZUL IKHRAM BIN ZULKIFLI | 26. ZULIEANA BINTI JOHARI |
| 9. HASZILIN BINTI ABDUL HAMID | 27. NAVINRAJ A/V KRISHNAN |
| 10. MOHAMAD KHAIRUDDIN BIN MUSA | 28. TULASI A/P WALAGANADEN |
| 11. MOHD SUHAIRI BIN MOHD SUJAK | 29. NADZRI BIN AHMAD |
| 12. AHMAD SAUFIZ BIN ABDUL AZIZ | 30. ZAMILAH BINTI MOHD. NOR |
| 13. MOHD HAFIZ BIN JAAFAR | 31. ROSNITA BINTI ROSLI |
| 14. NUR FADHLAH BINTI ALIAS | 32. YASMIN FATIMAH BINTI AHAMED KABEER |
| 15. WAIFAH BINTI MUSTAFA BAKRI | 33. UMMUL KAMILAH BINTI MOHD AZAHAR |
| 16. NOORASHEKIN BINTI MOHD@ MAT SALEH | 34. NOOR ZALEHKA BINTI MISKIRAN |
| 17. WAN RAZLINA BINTI WAN IBRAHIM | 35. HARSLINA BINTI ARIFF |
| 18. NORSHAZLIZA BINTI HASSAN | 36. MUHAMMAD SYAHMI BIN ABDUL MANAF |

KUMPULAN SOKONGAN II (D)

- | | |
|--|-----------------------------------|
| 1. SITI NORMAIZATUL ARNI SHAHMIRAH BINTI ABDUL MUTALIB | 15. MUHAMAD HELMI BIN SARIFF |
| 2. AZHAR BIN ABDUL HAMID | 16. SUKAIMI BIN MUNIRAN |
| 3. KHAIRUDIN BIN MOHAMAD KHALID | 17. ZAIRIE BIN PADALAN |
| 4. MOHD SALEHuddin BIN MOHD RHAZALI | 18. DAVIDJY A/P KANDASAMY |
| 5. SEGARAN A/V KRISHNAN | 19. NORAIN BINTI CHE KOB |
| 6. MUHAMAD ZALHAZMIE BIN SAID | 20. EDRISS BIN ABU |
| 7. MUHAMMAD SADIQ BIN JAMALUDDIN | 21. NAZRUL IZWAN BIN BUHARI |
| 8. JAAFAR BIN TAIL | 22. ABDULLAH SANI BIN ABDUL RASID |
| 9. HASSAN BIN ALI | 23. MOHD. ISA BIN ABD. AZIZ |
| 10. MAHMUD BIN HAJI TASI | 24. MOHD SYAFARUDIN BIN SAMUDIN |
| 11. FAIZAL BIN MUSTAPHA @ TAPA | 25. ROSLI BIN MD DESA |
| 12. RETINASAMY A/L SINNATHAMBY | 26. FARID SAFFUAN BIN AZIZ |
| 13. MOHD FADZIL BIN JAAFAR | 27. MOHAMAD AZNI BIN ABD AZIZ |
| 14. ARIYATIE BINTI MUHAMAD AMIN | 28. MOHD ASMADI BIN ABDULLAH |

PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN MPS 2030 PELUANG ORANG AWAM KEMUKA PANDANGAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MPS

MAJLIS Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan MPS 2030 (Penggantian) telah berlangsung di Le Gardens Pavilion, Persiaran Gamuda Gardens 1, Kuang Rawang pada 30 April 2021. Tujuan Program Publisiti dan Penyertaan Awam DRTMPS 2030 (Penggantian) ini diadakan untuk memberi makluman kepada pihak awam mengenai draf ini. Melalui program ini, orang awam diberi peluang untuk memeriksa dan memberi maklumbalas terhadap perancangan pembangunan yang telah disediakan sehingga tahun 2030.

Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato'

Menteri Besar Selangor. Turut hadir sama ialah Tuan YDP MPS, YBhg. Datuk TPr. Mohd Faidzal bin Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan, PLANMalaysia, YBrs. Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, Pegawai Daerah Gombak, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Ahli-Ahli Dewan Negeri, Tuan TYDP MPS, Ahli-Ahli Majlis, agensi kerajaan, syarikat korporat dan pemaju.

Selain itu juga, MPS turut menyediakan pameran awam di Lobi Menara MPS, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan PLANMalaysia Selangor selama sebulan untuk memberi maklum balas serta mengemukakan cadangan dan pandangan.



PELANCARAN SMART SELAYANG MAMPAAN



PADA majlis ini juga turut diadakan pelancaran Smart Selayang Mampan 2030 MPS iaitu penjenamaan semula Agenda 21 Tempatan (LA21) dengan memperkenalkan logo dan identiti baharu Smart Selangor Mampan 2035 merupakan penjenamaan semula Agenda 21 Tempatan di Negeri Selangor.

Smart Selangor Mampan 2035 adalah penting bagi memastikan inisiatif yang dirancang dan dilaksana mencapai matlamat dan sasaran pembangunan mampan yang lebih cemerlang serta menyokong sasaran Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 dan Dasar SMART Negeri Selangor.

Smart Selangor Mampan 2035 dihasilkan berdasarkan kepada penemuan Kajian Penilaian Keberhasilan Pelaksanaan Agenda 21 Tempatan Di Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh PLANMalaysia@Selangor pada tahun 2017.



PROGRAM BINGKISAN MESRA SELANGOR PENYERAHAN FOOD BASKET KEPADA PEMANDU TEKSI DAN BAS SEKOLAH

KERAJAAN Negeri Selangor bersama Majlis Perbandaran Selayang dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengadakan Majlis Penyerahan Food Basket kepada pemandu teksi dan bas sekolah sekitar DUN Sungai Tua. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 9 Mac 2021 bertempat di Padang Awam Batu Caves. Program penyerahan barang keperluan makanan ini adalah sebahagian daripada Program Bingkisan Mesra Selangor di bawah Pakej Kita Selangor yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu meringankan beban 800 pemandu teksi dan bas sekolah yang terkesan sepanjang tempoh pandemik.

Kesinambungan majlis penyerahan tersebut telah diadakan pada 3 April 2021 bertempat di Lobi Menara MPS. YB Puan Rodziah binti Ismail, EXCO Perumahan & Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor bersama-sama Tuan TYDP telah menyampaikan sumbangan dan menyantuni para pemandu teksi dan bas sekolah secara pandu lalu bagi mematuhi SOP MKN. Turut hadir sama adalah wakil LPHS dan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.



PROGRAM SELAYANG PRIHATIN 245 KELUARGA B40 TERIMA BANTUAN BEKALAN MAKANAN

MPS telah melancarkan acara pelepasan Konvoi Program Selayang Prihatin di Dataran MPS pada 27 Mac 2021. Program tersebut adalah kesinambungan daripada Program Bantuan Bekalan Makanan sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0. Pasukan konvoi MPS telah mengagihkan bekalan makanan ini kepada 245 buah keluarga daripada golongan B40 yang berada di 7 DUN di bawah pentadbiran MPS.

Pada majlis ini, Tuan YDP bersama Tuan TYDP telah menyempurnakan acara pelepasan yang melibatkan 12 kenderaan yang membawa bekalan keperluan makanan asas dengan diketuai oleh Encik Affendei bin Samigan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.



OPERASI PEMATUHAN SOP **MPS PANTAU OPERASI PENIAGA SEPANJANG PKP**

MPS telah melakukan operasi pemantauan pada 13 hingga 26 Januari 2021 terhadap peniaga dan pengunjung di pasar-pasar awam serta kedai-kedai dan kiosk di dalam pasaranaya di Selayang dengan memfokuskan kepada pematuhan SOP akitiviti perniagaan.

Hasil pemantauan selama lapan hari mendapati kebanyakan premis akur terhadap pematuhan SOP walaupun terdapat segelintir peniaga yang masih masih ingkar. Selain itu, keadaan di seluruh premis yang dilawat periksa didapati terkawal dan pengunjung mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sepanjang tempoh itu juga, 263 premis termasuk penjaja telah diperiksa dan 21 kompaun terhadap pelbagai kesalahan selain tindakan sitaan barang niaga tanpa kebenaran turut dikenakan. 6 notis arahan untuk menghentikan aktiviti turut dikeluarkan.



YDP TINJAU PEMATUHAN SOP DI NSK SELAYANG

TUAN YDP MPS dan Tuan TYDP MPS telah menyertai sesi lawatan ke NSK Selayang pada 14 Januari 2021. Lawatan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan SOP semasa tempoh PKP dipatuhi selain memastikan aspek kebersihan adalah terjamin dan mematuhi syarat lesen.

Turut serta dalam pemantauan ini adalah Jabatan Pelesenan, Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dan Jabatan Korporat.



PEMIMPIN TEMPATAN HULUR SUMBANGAN BANTU MASYARAKAT TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

BAGI meringankan beban masyarakat yang terkesan semasa menghadapi pandemik Covid-19, YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang dan YB Tuan Chua Wei Kiat, ADUN Rawang telah menyampaikan sumbangan barang keperluan asas kepada penduduk di sekitar Rawang. Turut serta dalam program ini

ialah Tuan Sulaiman Abu Samah, Ahli Majlis MPS Zon 14.

Program yang berlangsung pada 23, 24 dan 31 Januari 2021 ini adalah salah satu inisiatif bantuan kepada keluarga yang terjejas akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan 2.0.



BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING, HULUR BANTUAN RINGANKAN BEBAN

TUAN Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis MPS Zon 10 telah menyampaikan sumbangan barang keperluan pada Program Edaran Barang Asas Covid-19.0 kepada penduduk JKP Zon 10. Inisiatif oleh Ahli Majlis Zon 10 ini bertujuan untuk meringankan beban masyarakat yang terkesan ketika menghadapi pandemik Covid-19.



AHLI MAJLIS MPS SANTUNI MASYARAKAT SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

BAGI berkongsi kegembiraan dalam menyambut perayaan Tahun Baru Cina, Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ahli Majlis Zon 6 bersama Tuan Deveandran A/L Selvaraju, Ahli Majlis Zon 7 dan Puan Ruhanah binti Masruki, Ahli Majlis Zon 5 telah menyantuni masyarakat Cina dan para peniaga di sekitar Pasar Selayang Baru dengan mengagihkan buah limau mandarin dan juga duit raya.





E-BIL CUKAI

myMPS

Dapatkan e-Bil Cukai Taksiran Penggal 2/2021
dan buat bayaran melalui myMPS.

Layari www.mymps.mps.gov.my atau imbas
KOD QR di bawah



TARIKH BAYARAN AKHIR PADA **31 OGOS 2021**

* Tiada Lagi Cetakan Bil Cukai Taksiran Mulai Januari 2021.

Untuk Maklumat lanjut

Bahagian Hasil, Jabatan Perbendaharaan di 03 - 6126 5966
atau layari www.mps.gov.my



MPselayang

www.mps.gov.my

KITALAH BARISAN HADAPAN

BERSAMA KITA PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



Lensa COVID-19 MPS





GRAM BINGKISAN MESRA SELANGOR

NYERAHAN BANTUAN FOOD BASKET

MANDU DAN PERASAS SEKOLAH
DIBAWAH 1000 RINGGIT

2021 | SELANGOR | CAVES

GRAM BINGKISAN MESRA SELANGOR

NYERAHAN BANTUAN FOOD BASKET

MANDU DAN PERASAS SEKOLAH
DIBAWAH 1000 RINGGIT

2021 | SELANGOR | CAVES

M BINGKISAN MESRA SELANGOR

NYERAHAN BANTUAN FOOD BASKET

MANDU DAN PERASAS SEKOLAH
DIBAWAH 1000 RINGGIT

2021 | SELANGOR | CAVES

PROGRAM BINGKISAN MESRA SELANGOR BERSAMA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
9 MAC 2021



PROGRAM BINGKISAN MESRA SELANGOR BERSAMA YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
3 APRIL 2021



SUMBANGAN COVID-19 ANULAE CAWANGAN MPS
8 APRIL 2021



MOHON LESEN & PERMIT PERNIAGAAN ANDA SECARA ONLINE SEKARANG!

Layari <https://elesen.mps.gov.my> untuk maklumat lanjut

MUDAH & PANTAS! eLESEN

MOHON
DI SINI



e-LESEN

DAFTAR DI SINI

[HTTPS://ELESEN.MPS.GOV.MY](https://ELESEN.MPS.GOV.MY)